



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SEKOLAH RENDAH AGAMA JAIM
AYER PAABAS, ALOR GAJAH
TARIKH: 9 APRIL 2021 (JUMAAT) , MASA: 2.50 PETANG
DI SRA JAIM AYER PAABAS, ALOR GAJAH, MELAKA
(WAKIL: YB DATUK HJ MD RAWI BIN MAHMUD)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

**YANG DIKASIHI;
TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA (DR.) HAJI
MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM,
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA;**

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas kesudian hadir pada Majlis Perasmian Sekolah Rendah Agama JAIM Ayer Paabas, Alor Gajah, Melaka.

*RIMBUN SUBUR SEPOHON JATI,
TEMPAT BERMAIN PUTERI BESTARI;
KEHADIRAN TUN AMAT BERERTI,
MENJADIKAN MAJLIS BERTAMBAH SERI.*

2. Sesungguhnya, kehadiran Tun, menjadi pangkal kekuatan saya serta rakyat untuk terus menyumbang bakti dan menumpahkan sepenuh iltizam kepada usaha-usaha Kerajaan dalam meninggikan syiar Islam di bumi Melaka tercinta.

3. Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka, izinkan saya menyampaikan ucapan kepada hadirin dalam majlis ini.

Terima kasih saudara pengerusi majlis,

Yang Berhormat Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh,
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Melaka;

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri
Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Haji Md Azhan bin Samat,
Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka;

Yang Berusaha Tuan Haji Muhammad Ikram bin Ibrahim,
Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka;

Yang Berusaha Tuan Rahizi bin Ranom,
Pegawai Daerah Alor Gajah;

Seterusnya, Datuk-datuk, Datin-datin;

Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan;

Barisan Jawatankuasa Lembaga Kemajuan Sekolah
(LEKAS) dan Guru-guru Sekolah Rendah Agama JAIM
Ayer Paabas, rakan-rakan media serta hadirin dan hadirat
yang dihormati sekalian,

4. Pertama sekali, bersama-samalah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat berhimpun pada hari ini untuk merasmikan Sekolah Rendah Agama JAIM Ayer Paabas, Alor Gajah demi membangunkan institusi Pendidikan Islam di Negeri Melaka.

5. Di kesempatan ini, saya mewakili YAB Datuk Seri Utama Hj Sulaiman bin Md. Ali, Ketua Menteri Melaka, merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur kerana berjaya mengelola majlis ini dengan jayanya. YAB Ketua Menteri Melaka mendoakan agar majlis ini berjalan dengan lancar dan sempurna.

Saudara dan saudari sekalian,

**LATAR BELAKANG SEKOLAH RENDAH AGAMA JAIM
AYER PAABAS**

6. Kerajaan Negeri Melaka amat komited untuk membina Sekolah Rendah Agama JAIM Ayer Paabas demi kepentingan pendidikan anak-anak di negeri ini. Oleh kerana sebelum ini, saya difahamkan, murid-murid sekolah ini menumpang di Sekolah Kebangsaan Ayer Paabas, maka, Kerajaan Negeri Melaka terus berusaha mewujudkan sekolah baharu ini atas keperluan dan keselesaan para pelajar.

7. Untuk makluman semua, Sekolah Rendah Agama JAIM Ayer Paabas ini mula dirancang dan dibina di atas tanah Lot 2045, Mukim Ayer Paabas. Tanah lot yang berkeluasan 0.4176 hektar tersebut diperolehi melalui kaedah waqaf oleh pemilik tanah iaitu Encik

Johari bin Salleh kepada pihak Majlis Agama Islam Melaka bagi tujuan tapak baru SRA JAIM Ayer Paabas pada tahun 2013.

8. Pembinaan SRA JAIM Ayer Paabas bermula pada 19 Januari 2019 dan siap sepenuhnya pada 26 Januari 2020. Kos keseluruhan pembinaan sekolah ini ialah sebanyak **RM2.5 juta** melalui peruntukan Kerajaan Negeri sepenuhnya. Bangunan sekolah dengan kapasiti **420** orang murid bagi **2 sesi** ini diharapkan dapat menampung keperluan kepada pendidikan agama atau KAFA bagi penduduk di kawasan sekitar.
9. Kejayaan merealisasikan pembinaan projek ini wajar dijadikan contoh kepada pengurusan sekolah dan

pemimpin setempat yang lain. Ini membuktikan bahawa sekiranya ahli kariah bekerjasama menggerakkan sinergi tanah wakaf, maka lebih banyak Sekolah Rendah Agama yang boleh dibangunkan mengikut kesesuaian dan keperluan.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

10. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap usaha-usaha yang berkaitan dengan pembangunan Islam dan umatnya untuk mendapatkan akses kepada pendidikan agama. Begitulah juga keprihatinan Kerajaan dalam mewujudkan pembangunan seimbang, iaitu antara pembangunan material atau fizikal dengan pembangunan rohaniah atau spiritual.

Kedua-duanya merupakan kunci kebahagiaan hidup muslimin di dunia dan akhirat.

11. Inisiatif ini juga selari dengan misi yang terangkum di bawah **Melaka Rumahku**, iaitu akronim **T.E.R.A.S**, yang mana **S**, **Sejahtera** iaitu menghidupkan persekitaran negeri terbersih, terindah, lestari, selesa dan sejahtera untuk didiami. Selain itu, usaha ini juga sejajar dengan flagship ke-8 iaitu Melaka Sejahtera yang memfokuskan aspek kebajikan untuk memperkasa dan menjamin kesejahteraan rakyat Negeri Melaka merangkumi aspek pembangunan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kemampanan sahiah.

PENUTUP

12. Sehubungan itu, saya berharap pihak Lembaga Kemajuan Sekolah (LEKAS) yang selepas ini akan digantikan dengan Pesatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SRA JAIM serta pemimpin setempat akan sentiasa proaktif di dalam menyediakan perkhidmatan terbaik yang berkaitan dengan ahli kariah khususnya dan umat Islam lain amnya.
13. Demikianlah sahaja ucapan saya pada kali ini. Semoga Tuan Yang Terutama Tun serta seisi keluarga mendapat keberkatan, keistimewaan, kerahmatan dan keampunan daripada Allah S.W.T.

14. Saya doakan majlis kita pada petang ini dirahmati Allah S.W.T dan perpisahan kita selepas ini dilindungi-Nya dan kita semua tergolong dalam kalangan mereka yang beriman.

Sekian, Terima Kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ ...

-TAMAT-